

Pelajar wajar kenang jasa IF

Oleh Kadir Dikoh dan Mohd Fadzil Aziz

BH 22 APR 2000

PETALING JAYA, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan pelajar, terutama di institusi pengajian tinggi tempatan, supaya tidak melupakan jasa institusi itu apabilamenamatkan pengajian.

Perdana Menteri berkata, pelajar harus mengenang budi institusi yang memberi pendidikan akademik dan menyediakan mereka bagi menghadapi cabaran hidup serta berjuang untuk mencapai kejayaan.

“Perasaan terhutang budi ini amatlah penting dalam masyarakat kita. Kalau kita lupa mengenainya, maka masyarakat kita akan jadi masyarakat yang tidak ada hubungan antara satu sama lain, antara yang lama dengan baru.

“Ini juga akan memutuskan langsung tiubungan apabila tamat pengajian dan kita lupa kepada institusi yang memberi banyak khidmat kepada kita. Kalau itulah pendirian kita, tidak terhutang budi, maka sukar bagi

kita untuk menolong mereka yang memerlukan bantuan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis jamuan anjuran Yayasan Budiman Universiti Teknologi Mara (UiTM) di sini malam ini. Sebanyak RMI.3 juta dikumpulkan daripada penderma pada majlis itu termasuk RMI juta dari seorang penderma yang enggan mendedahkan identitinya.

Sumbangan RMI juta itu adalah dalam bentuk wang tunai RM 100,000 serta bimbingan bernilai RM 100,000, saham bernilai RM200,000 dan sebuah rumah kedai bernilai RM600,000.

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut menyampaikan biasiswa sulung yayasan itu sebanyak RM8,000 setiap seorang kepada lima pelajar UiTM.

Mereka ialah Mohd Zaidi Osman dari fakulti Sains, Norlaili Ahmad (Senilukis dan Senireka), Saifuddin Kadir (Kimia) serta Mohd

Zaidi Zakaria dan Saudi Abdul Rauf (Diploma Sukan dan Rekreasi).

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan itu Tan Sri Saleh Sulong dan Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Ahmad Zaidee Laidin.

Yayasan itu dilancarkan secara rasmi oleh Dr Mahathir ketika Perhimpunan Perdana Siswazah ITM bersama Perdana Menteri di Stadium Malawati, Shah Alam 26 Ogos lalu. Di majlis itu, Dr Mahathir mengumumkan persetujuan kerajaan menukar nama ITM kepada UiTM.

Misi utama yayasan itu adalah mengadakan kegiatan dalam bentuk kutipan dana, menyumbang dan mencari kepakaran profesional, peralatan dan sebagainya bagi membantu pelajar Bumiputera, khususnya yang miskin, menghadapi cabaran serta kehendak akademik semasa dan akan datang.

Dr Mahathir yakin yayasan itu tidak akan berkurangan wang untuk digunakan bagi membantu pelajar yang menghadapi masalah.

“Pelajar ini memang selalu menghadapi masalah. Saya jarang dengar pelajar tidak bermasalah. Tetapi bila kita lulus, kadang-kala kita lupa masalah. Bila kita lupa mengenai masalah kita, kita juga lupa masalah pelajar yang masih belajar.

“Dengan itu, saya percaya Yayasan Budiman ini akan mengingati masalah yang dulukita hadapi. sekarang

tidak tetapi ada penuntut yang masih menghadapi masalah.

“Oleh itu tolonglah mereka. Saya percaya Alumni UiTM ini mampu untuk menolong dan ingin menolong. Mereka menolong kerana mereka berasa terhutang budi kepada institusi,” katanya.

Dr Mahathir berkata, dengan jumlah bekas pelajar UiTM melebihi 130,000

orang, tidak menjadi masalah bagi yayasan itu mengutip sumbangan dan berharap mereka memberi sumbangan secara ikhlas supaya dapat membantu sebanyak mungkin pelajar institusi itu untuk meneruskan pelajaran.

Beliau berkata yayasan itu perlu terus mendapat sokongan bukan sahaja daripada bekas pelajar UiTM tetapi juga orang luar.